

27/08/1999

Usaha ladang secara komersil: PM

Kadir Dikoh; Johnny Giles Senin

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta petani supaya mengubah pendekatan dengan mengusahakan ladang secara besar-besaran untuk membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan.

Perdana Menteri berkata, pada masa yang sama mereka akan dapat membantu mengurangkan pergantungan kepada bahan makanan import dan seterusnya mengerakkan ekonomi negara.

Berucap di hadapan kira-kira 5,000 peladang, nelayan dan penternak dari seluruh negara, beliau berkata kerajaan menyedari sebilangan besar rakyat yang miskin pada masa ini adalah di kalangan petani.

"Keadaan ini tidak menyenangkan kerajaan. Saya yakin kalau kita mengadakan pertanian secara besar-besaran, kita tidak akan menjadi miskin. Anda akan mendapat pendapatan lumayan. Kita tidak mahu petani menjadi kumpulan yang miskin.

"Kita mahu mereka mendapatkan bahagian mereka dalam kekayaan negara," katanya ketika merasmikan sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan serta Ekspo dan Konvensyen Pertanian Asia (AGEX) 1999 di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara, dekat sini hari ini.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1999 dan melawat gerai pameran.

Terdahulu, wakil peladang, nelayan dan penternak dari seluruh negara diketuai Mansor Abdullah berikrar untuk terus menyokong kerajaan dan skrol ikrar itu kemudian disampaikan kepada Dr Mahathir.

Hadir sama Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud; Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yakob, menteri-menteri Kabinet lain dan anggota Exco pertanian negeri.

Dr Mahathir turut mencadangkan supaya institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan memperkenalkan program ijazah dalam bidang pengurusan pertanian bagi meningkatkan pengeluaran komoditi makanan dalam negara.

Perdana Menteri berkata, kepakaran pengurusan itu akan dapat membantu usaha membuka ladang secara besar-besaran dalam usaha mengurangkan pergantungan kepada barangan makanan import.

"Dengan adanya orang yang cekap dalam bidang pengurusan estet, kita dapat menggunakan tenaga profesional untuk menjayakannya. Kalau kita berbuat demikian, saya yakin bidang pertanian tidak semestinya menghasilkan petani miskin.

"Sebaliknya, mereka akan menjadi pemegang saham dalam estet yang besar dan juga menjadi pekerja dengan mendapat pendapatan yang sepatutnya," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika negara dapat mengeluarkan sumber makanannya sendiri, ia dapat mengurangkan import barangan terbabit dan sudah tiba masanya untuk mengusahakan pengeluaran barangan makanan secara besar-besaran.

Katanya, selain ladang getah dan kelapa sawit, petani juga dapat mewujudkan estet yang dapat mengeluarkan barangan makanan secara besar-besaran.

Oleh itu, beliau berkata melalui pengenalan program ijazah berkenaan, negara dapat mengeluarkan tenaga pekerja yang mahir dan cekap dalam menguruskan estet berkenaan.

"Malah, dengan adanya estet pertanian secara besar-besaran, pengusaha kecil juga boleh menumpang kemudahan yang ada di situ dan ini turut

memberi pendapatan lumayan kepada petani, nelayan dan penternak.

"Kita ingin mengusahakan perusahaan secara besar-besaran tetapi kita tidak mampu di segi kewangan dan pengurusan kerana estet memerlukan kecekapan tertentu.

"Tanpa kecekapan itu, kita tidak boleh mengurus estet, tidak mungkin seorang yang menjadi petani kecil tiba-tiba diberi tanah beribu ekar untuk diusahakan...tetapi tidak mempunyai kecekapan mengurus," katanya.

Dr Mahathir berkata, tumpuan perlu diberi kepada pertanian untuk membekalkan makanan kerana ia dapat menolong mempercepatkan pembangunan ekonomi negara.

"Sekarang ini kita bergantung terlalu sangat kepada import barang makanan dari luar negeri. Kalau kita dapat kurangkan import ini, maka kita dapat kurangkan perbelanjaan sara hidup kita.

"Barangan yang diimport biasanya naik harga sepanjang masa dan ini menyebabkan inflasi berlaku di dalam negara kita...maka kita menekankan rakyat terutama rakyat miskin seperti petani dan nelayan," katanya.

Beliau berkata, dengan pengurangan import itu sudah tentu akan dapat membantu usaha mengawal tekanan inflasi.

Dr Mahathir berkata, pengusaha ladang getah, kelapa sawit dan koko dapat meraih keuntungan atau pendapatan yang lumayan kerana mempunyai modal yang mencukupi serta kemahiran dalam menguruskan ladang mereka.

Katanya, jika mereka boleh melakukannya, pengusaha makanan pertanian yang kini menjalankan operasi mereka secara kecil-kecilan, juga boleh berkembang dan mampu mewujudkan ladang-ladang.

Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan mengetepikan peranan pertanian dalam pembangunan negara walaupun negara sudah memasuki bidang perindustrian dan sedang melangkah ke era teknologi maklumat.

(END)